

“Ini kejadian banjir kedua terburuk pernah berlaku di Selama yang hampir menyamai apa yang berlaku pada 2012,” kata mangsa, Rofidah Zakaria 62.

Rofidah antara 149 mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Jenih, Ijok di sini, kelmarin sebelum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing jam 9 pagi semalam selepas air surut sepenuhnya.

Dalam kejadian banjir yang berlaku petang kelmarin, seramai 149 mangsa membabitkan enam kampung terpaksa dipindahkan ke dua pusat pemindahan iaitu SK Sungai Jernih dan Surau Sungai Kuning di sini.

Menurut Rofidah, hujan lebat selama empat jam menyebabkan air Sungai Jernih di belakang kawasan rumahnya naik dengan pantas hingga ke paras pinggang dan menenggelamkan sebahagian rumahnya.

Katanya, selain masalah banjir, penduduk juga menghadapi masalah terputus bekalan air bersih berikutan paip utama di Kolam Tadahan Bukit Putus mengalami kerosakan teruk dan masih dalam proses dibaik pulih.

“Jika keadaan berterusan saya tidak menolak kemungkinan akan kembali ke pusat pemindahan berikutan sukar melakukan kerja rumah kerana tiada bekalan air bersih dan berharap masalah itu diselesaikan secepat mungkin,” katanya.


Sementara itu, Jurutera

“Jika keadaan berterusan saya tidak menolak kemungkinan akan kembali ke pusat pemindahan”

Rofidah



MANGSA banjir sibuk membersihkan rumah dilanda bah.



KEADAAN jalan mendap akibat banjir kilat berhampiran Sungai Ulu Mengkuang.

2012

berulang

■ Seramai 149 mangsa banjir di Selama dibenarkan pulang



PENDUDUK meninjau jambatan Kampung Bukit Torak yang terhakis.

Daerah JPS Larut, Matang dan Selama Ir P Vasukey ketika dihubungi berkata, hujan lebat berterusan lebih tiga jam itu menyebabkan air Sungai Ijok melimpahi paras Ban Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sedia ada.

Menurutnya, untuk penyelesaian jangka masa ter-

dekat, pihaknya akan meningkatkan ketinggian paras ban sedia ada termasuk menyelenggara kawasan sungai supaya aliran air lebih stabil.

Dalam pada itu, arus deras banjir menyebabkan jambatan menghubungkan Kampung Bukit Torak dengan

Rantau Panjang di sini, berdepan risiko runtuh apabila berlaku hakisan tanah pada strukturnya.

Ketua Kampung Bukit Torak Mohd Razman Ibrahim berkata, kejadian yang disedari penduduk kira-kira jam 9 malam kelmarin menyebabkan jambatan berke-

naan ditutup kepada orang awam atas faktor keselamatan.

Menurutnya, pihaknya sudah membawa masalah itu kepada pihak berwajib dan berharap tindakan pantas dilakukan bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.